



**14 Januari 2009 (Rabu)**

## **Khalid nafi terima Lexus RM1 juta daripada KDEB**

SHAH ALAM 14 Jan. - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menafikan telah menerima sebuah kereta mewah Lexus 460 berharga hampir RM1 juta daripada Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) untuk kegunaannya. Menurutnya, sepanjang menjadi Menteri Besar dan Pengerusi KDEB, beliau tidak menerima kenderaan daripada anak syarikat kerajaan negeri itu walaupun mempunyai peruntukan sedemikian sebagai pengurus. Katanya, beliau pernah menggunakan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) jenis Lexus yang dibelinya sendiri secara tunai pada Julai 2007.

“Saya beli SUV Lexus ini untuk kegunaan saya sendiri. Ketika itu saya merancang jika saya tak menang pada pilihan raya umum Mac 2008 saya akan gunakan kereta itu untuk pergi berjalan-jalan. “Tetapi saya menang. Jadi saya gunakan kereta itu untuk tugas-tugas rasmi kerana semasa bertugas pun saya berjalan jauh,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Negeri di sini. Sehubungan itu, beliau meminta mana-mana pihak yang ingin membuat sebarang tuduhan terhadapnya agar membuat penyelidikan dan mendapatkan fakta yang betul terlebih dahulu.

Laman web Agendadaily baru-baru ini, menyiaraskan pendedahan mengenai pembelian kereta mewah yang melibatkan Abdul Khalid oleh bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo. Laman itu memetik Mohamad Khir, sebagai berkata, kereta mewah Lexus 460 itu dibeli oleh KDEB dan harganya mencecah RM1 juta. Kereta itu difahamkan dibeli untuk kegunaan Abdul Khalid yang juga Pengerusi KDEB.

Dalam perkembangan lain, Abdul Khalid memberitahu, kerajaan negeri menyokong usaha pihak tertentu untuk membina kampus induk Universiti Antarabangsa Al-Madinah di Cyberjaya dekat sini. “Tetapi kita belum memberi persetujuan untuk memberi tanah di kawasan tersebut seluas 95 hektar kerana ia melibatkan tanah kerajaan negeri yang harganya antara RM60 hingga RM120 setiap meter persegi,” jelasnya. Projek pembinaan kampus induk universiti tersebut dibangkitkan ketika beliau menerima kunjungan penasihat kepada Raja Arab Saudi, Putera Bandar Salman Al-Saud di sini semalam

**14 Januari 2009 (Rabu)**

## **Kementerian Kerja Raya kini bertaraf lima bintang**

KUALA LUMPUR 14 Jan. - Kementerian Kerja Raya mencatat sejarah sebagai kementerian pertama mendapat pengiktirafan lima bintang menerusi Sistem Penarafan Bintang (SSR) yang diperkenalkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu). Ketua Setiausaha, Datuk Seri Dr. Abdul Munit Kasmin berkata, hasil penilaian SSR, kementeriannya berjaya memperoleh markah tertinggi iaitu 92.18 peratus sekali gus layak diiktiraf sebagai kementerian lima bintang bagi tahun 2008 menewaskan 27 buah kementerian lain. Beliau berkata, pada tahun 2007, Kementerian Pelajaran berada di kedudukan pertama dengan pengiktirafan empat bintang manakala Kementerian Kerja Raya pula sekadar berada di kedudukan kedua. "Namun, hasil usaha gigih dan kerjasama yang ditonjolkan oleh semua kakitangan, kami berjaya membuktikan bahawa kementerian ini mampu menjadi kementerian nombor satu di Malaysia terutama dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Pengiktirafan Kementerian Kerja Raya Sebagai Kementerian Lima Bintang Pertama di Malaysia di sini hari ini. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Nasir Mat Dam dan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Zaiton Mhad. Ali. SSR yang dilaksanakan bermula tahun 2007 oleh Mampu merupakan kaedah penarafan seluruh kementerian termasuk agensi-agensi kerajaan di negara ini. Ia dilaksanakan bagi menilai, mengukur, memantau dan menambah baik penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan supaya satu indikator dapat diberikan terhadap prestasi sesebuah agensi. SSR dinilai berdasarkan tiga kriteria utama iaitu pengurusan, perkhidmatan teras dan pengurusan pelanggan.

Dalam perkembangan sama, Abdul Munit mengesyka semua kakitangannya bersikap lebih efisien dan profesional dalam pekerjaan bagi memastikan pencapaian penarafan lima bintang ini mampu dikekalkan dan dilaksanakan dengan lebih praktikal pada masa akan datang. "Sebagai contoh, sebagai pemilik Jalan Persekutuan yang diwartakan di bawah Menteri Kerja Raya, kakitangan kementerian harus memastikan setiap batang jalan yang dibina disenggara dengan baik dan sempurna bagi memenuhi kehendak pusingan kerja. "Malah, setiap aduan yang diterima juga perlu diselesaikan dengan segera berdasarkan piagam pelanggan agar kepuasan pelanggan sentiasa terjamin selain memastikan penghasilan produk yang berkualiti," katanya.

**15 Januari 2009 (Khamis)**

## **Alat khas kesan masalah kabel bawah tanah**

Oleh NORIZAN ABDUL MUHID



KAKITANGAN TNB negeri menerangkan sesuatu kepada Norpipah Abdol (kiri) mengenai penggunaan mesin khas yang mampu mengesan masalah kabel bawah tanah di Alor Gajah, baru-baru ini.

MELAKA 15 Jan. - Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menggunakan alat khas dikenali partial discharge (PD) mapping van bagi mengesan kabel bawah tanah yang lemah dan perlu diganti baru dengan segera. Pengurus Besar TNB Melaka, Abd. Basir Abd. Ghani berkata, penggunaan alat berharga kira-kira RM800,000 itu merupakan sebahagian daripada usaha TNB dalam menyediakan kemudahan bekalan elektrik yang lebih baik di negeri ini. Melalui penggunaan alat khas tersebut katanya, TNB berupaya mengesan masalah kabel bawah tanah dalam masa singkat dan akan bertindak menggantikannya dengan yang baru.

"Langkah ini sekali gus dapat memastikan bekalan elektrik di seluruh negeri berada dalam keadaan baik dan memuaskan hati pengguna," katanya kepada pemberita di sini hari ini. Terdahulu, beliau memberi penerangan program ujian penggunaan *PD mapping van* yang dijalankan di pencawang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Dol Said di Alor Gajah di sini kelmarin. Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kesihatan, Norpipah Abdol. Menurut Abd. Basir, alat khas itu mampu mengesan kabel bawah tanah sehingga jarak sejauh empat kilometer. Jelas beliau, alat itu juga berupaya menyimpan maklumat lengkap mengenai kabel bawah tanah sepanjang 6,000 kilometer di seluruh negeri.

"Kita sudah menjalankan beberapa ujian penggunaan alat khas ini di beberapa lokasi dan ia terbukti berkesan dalam menangani kekerapan masalah gangguan bekalan elektrik," katanya. Beliau berkata, komitmen TNB itu selaras dengan hasrat kerajaan negeri yang ketika ini sedang giat melaksanakan usaha pembangunan bagi mencapai status negeri maju pada tahun 2010. Katanya, alat tersebut telah digunakan di lima buah negeri termasuk yang terbaru di Melaka memandangkan negeri tersebut kini rancak dengan program pembangunan.

**15 Januari 2009 (Khamis)**

## **RM1b projek air Terengganu**

Oleh ZULKIFLEE BAKAR



TURUN PADANG... Shaziman Abu Mansor bersalaman dengan kakitangan loji semasa merasmikan Loji Rawatan Air Kepong II di Marang, Terengganu, semalam.

MARANG 15 Jan. - Kerajaan Pusat memperuntukkan sebanyak RM206.3 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) untuk melaksanakan 10 projek bekalan air di Terengganu. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, selain itu, di bawah wang Dana Khas pula sebanyak RM813 juta telah diperuntukkan yang melibatkan pelaksanaan sebanyak 12 projek.

"Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air di negeri Terengganu sebanyak RM1.012 bilion. "Semua itu menunjukkan kegigihan dan komitmen yang tinggi kerajaan Pusat dan negeri untuk melaksanakan projek itu yang bertujuan memberi manfaat kepada setiap lapisan rakyat di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Loji Rawatan Air Kepong II, di sini, hari ini. Shaziman berkata, pada masa ini semua projek di bawah RMK-9 sedang rancak berjalan, manakala bagi projek yang sedang dilaksanakan di bawah peruntukan Wang Dana Khas pula, daripada 12 projek, 6 daripadanya telah disiapkan sepenuhnya yang memberi banyak manfaat kepada penduduk di negeri Terengganu.

"Sebahagian besar projek-projek tersebut dijangka dapat disiapkan pada penghujung tahun 2009 dan ini akan dapat membantu lagi usaha mengatasi masalah bekalan air di beberapa daerah di Terengganu. "Selain daripada itu, ia juga dapat menjamin perkhidmatan bekalan air yang lebih cekap, berkesan dan berkualiti. Bekalan air yang mencukupi dan berkualiti akan dapat menjamin kehidupan rakyat yang lebih sihat dan selesa. Inilah matlamat Kerajaan sebenarnya, untuk merancang, melaksana dan menterjemahkannya dalam bentuk pembangunan," katanya.

Beliau menjelaskan, projek bekalan air Kuala Terengganu Peringkat IV adalah kesinambungan daripada Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Peringkat III yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan lagi pengeluaran bagi memenuhi keperluan domestik dan perindustrian di daerah Kuala Terengganu dan Marang. Projek ini, kata beliau, dirancang bagi memenuhi keperluan yang dijangka bertambah akibat pembangunan yang kian pesat di Kuala Terengganu dan Marang sehingga tahun 2015.

Shaziman memberitahu, projek bekalan Air Kuala Terengganu peringkat IV melalui peruntukan wang Dana Khas sebanyak RM149 juta melibatkan pembinaan Loji Air Kepong II berkapasiti 180 juta liter sehari, 10 buah tangki air dan paip air sepanjang 46.6km. "Walaupun projek ini melibatkan kos yang agak besar, tetapi faedahnya telah pun dapat dirasai dan dinikmati oleh penduduk-penduduk di Kuala Terengganu dan Marang.

"Loji Air Kepong II ini telah dapat membekalkan keperluan air untuk 190,000 orang penduduk di daerah Kuala Terengganu dan 80,000 orang penduduk bagi daerah Marang. Loji ini mampu untuk membekalkan 65 peratus daripada keperluan penduduk di kedua-dua daerah tersebut," katanya.

Beliau berkata, baki keperluan air sebanyak 35 peratus di Kuala Terengganu dan Marang pula ditampung daripada loji-loji air yang lain yang telah dibina sebelum ini di bawah Projek bekalan air Terengganu Peringkat III. "Saya yakin dengan siapnya Projek bekalan air Terengganu Peringkat III dan IV maka tidak timbul lagi masalah bekalan air di Kuala Terengganu dan juga Marang sehingga tahun 2015," katanya.

## **16 Januari 2009 (Jumaat)**

### **Kerajaan pantau kecekapan pakej ransangan RM7b**

KUALA LUMPUR 16 Jan. — Kerajaan kini sedang memantau kecekapan pakej ransangan RM7 bilion yang diumumkan tidak lama dulu, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Kong Cho Ha hari ini. Beliau berkata jika keadaan mengizinkan, kerajaan bersedia untuk mengadakan satu lagi pakej ekonomi baru bagi menyokong permintaan domestik.

"Pakej RM7 bilion itu akan diagihkan sepenuhnya pada suku pertama tahun ini. Jika ada keperluan, kita bersedia untuk memperkenalkan satu lagi pakej ransangan," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan "The Busy Weekly", akhbar mingguan ekonomi dan pelaburan berbahasa Cina yang pertama oleh KTS Holdings Sdn Bhd, yang turut memiliki Oriental Daily News. Ditanya sama ada kadar dasar semalam (OPR) akan dikurangkan lagi, Kong berkata yang Bank Negara akan membuat keputusannya pada masa yang sesuai. Kali terakhir bank pusat mengurangkan OPR kepada 3.25 peratus daripada 3.50 peratus ialah di mesyuarat dasar monetarinya pada 24 Nov tahun lepas.

"The Busy Weekly" yang telah berada di pasaran pada 5 Jan, telah menjual lebih 20,000 naskah daripada dua terbitan pertamanya di Lembah Klang, Johor Baharu, Ipoh, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu.

Ketua Pengarang Ko Keak Hock berkata akhbar itu akan menyiarkan berita-berita mengenai korporat dan ekonomi makro, pengetahuan mengenai pengurusan kekayaan, perancangan kewangan peribadi dan fokus pasaran kepada saham pelaburan dan tukaran asing.

Beliau berkata, ia meliputi berita korporat, saham dan pasaran saham, amanah saham, insurans, perbankan, perancangan kewangan, penjenamaan, profil angka korporat, pengurusan, pembangunan kerjaya, ekonomi politik, zon harta tanah, gaya hidup dan ruang atau kolumn khas.

Akhbar itu disasarkan kepada para pengarah urusan, ketua pegawai eksekutif, pengarah dan pengurus besar, pelabur runcit, ejen insurans, perancang kewangan, ejen amanah saham, PKS/IKS, remiser, angka korporat dan orang awam yang berminat mendapatkan pengetahuan mengenai pelaburan.

## **16 Januari 2009 (Jumaat)**

### **MOSTI rangka program kemahiran latih tenaga kerja**

JOHOR BAHRU 16 Jan. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan merangka satu program kemahiran bagi melatih tenaga kerja supaya mereka dapat diambil oleh syarikat tertentu tanpa perlu melalui proses temuduga. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Ongkili berkata, program tersebut bakal memudahkan syarikat berkenaan selain memastikan tenaga kerja yang dibekalkan berkualiti dan memenuhi kehendak pasaran. Katanya, program tersebut akan dijalankan secara kerjasama dengan pusat kecemerlangan awam dan swasta sebagai usaha meningkatkan keupayaan tenaga kerja. "Selepas ini syarikat tidak perlu lagi adakan temuduga. Mereka hanya perlu memilih tenaga kerja yang telah mengikuti program kemahiran yang dianjurkan oleh kementerian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Syarikat Ciba Vision Manufacturing and Logistics di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah, dekat sini hari ini. Turut hadir Pengurus Besar Rangkaian Pengedar Asia Ciba Vision, Soon Chee Meng. Maximus berkata, syarikat Ciba Vision yang merupakan pengeluar produk kanta lekap kedua terbesar di dunia, merupakan salah satu daripada pihak swasta yang mempunyai rangkaian kerjasama dengan kementeriannya. Syarikat tersebut, menurutnya, mempunyai rangkaian program penyelidikan dan pembangunan (R&D) bertaraf dunia yang berpotensi mewujudkan pusat perubatannya sendiri. Ciba Vision yang beroperasi di sini sejak dua tahun lalu telah mengeluarkan lebih 40,000 kanta lekap untuk keperluan tempatan selain dieksport ke Singapura dan Indonesia.

## **16 Januari 2009 (Jumaat)**

### **Garis panduan bangun kawasan bukit, gua diselaras**

IPOH 16 Jan. – Satu mesyuarat khas tentang penyelarasan garis panduan berhubung pembangunan di kawasan berbukit dan gua di seluruh negara akan diadakan segera bagi mengelak kejadian tanah runtuh berulang. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Ong Ka Chuan berkata, mesyuarat khas bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tersebut akan diadakan tidak lama lagi. Katanya, negara perlu mempunyai satu garis panduan lengkap berkaitan pembangunan projek perumahan dan rumah ibadat di kawasan berbukit serta gua bagi memastikan keselamatan orang awam terjamin.

“Garis panduan tentang pembangunan projek di celah bukit dan gua pada masa ini berbeza iaitu syarat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar membenarkan pembangunan di cerun tidak melebihi 35 darjah manakala KPCT pula tidak melebihi 25 darjah. “Kita muahu penyelarasan garis panduan pembangunan di lereng bukit dan gua dikeluarkan segera untuk membolehkan satu kajian terperinci di kawasan seumpama itu dilakukan oleh Jabatan Geosains kementerian tersebut,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mengulas kejadian runtuhan batu kapur di Kuil Gua Perak atau ‘Perak Tong’ pada 12 Januari lalu, Ka Chuan berkata, pihaknya perlu menunggu keputusan mesyuarat penyelarasan sebelum dapat menjalankan kajian terperinci mengenai tahap keselamatan gua tersebut.

Menerusi keputusan mesyuarat itu juga, katanya, sebuah jawatankuasa khas akan ditubuhkan bagi menjalankan kajian menyeluruh yang akan turut melibatkan gua batu kapur lain di seluruh negara. Menurut Ka Chuan, jawatankuasa khas yang ditubuhkan itu, akan menjalankan pemantauan dua kali setahun bagi mengetahui tahap kestabilan gua sebelum dikategorikan selamat kepada orang awam.

## **17 Januari 2009 (Sabtu)**

### **Selangor beli 15 Toyota Camry bernilai RM2.36 juta**

SHAH ALAM 17 Jan. - Exco Kerajaan Negeri Selangor sebulat suara memutuskan untuk membeli 15 buah kereta jenis Toyota Camry 2.4 setelah mengambil kira beberapa aspek antaranya kos penyelenggaraan kereta Proton Perdana yang dikatakan terlampau tinggi.

“Jumlah kos penyelenggaraan Proton Perdana daripada tahun 2006 sehingga November 2008 telah menelan belanja sebanyak RM694,735.55,” menurut kenyataan yang di keluarkan oleh Sekretariat Akhbar Pejabat Menteri Besar Selangor hari ini. - Bernama

## **18 Januari 2009 (Ahad)**

### **Projek hidro elektrik di Baram, Limbang**

MIRI 18 Jan. - Kerajaan negeri berhasrat melaksanakan Projek Hidro elektrik (HEP) di Baram dan Limbang bagi membangunkan kawasan pedalaman di utara di negeri ini.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu Numpang berkata, projek integrasi itu berupaya membekalkan tenaga berjumlah 900 megawat apabila siap nanti. Katanya, projek ini membuktikan kerajaan prihatin dan sedar bahawa kawasan di pedalaman Limbang, Lawas dan Baram masih ketinggalan daripada segi kemudahan asas. "Kita yakin pelaksanaan projek ini dapat memacu usaha kerajaan membangunkan kawasan terbabit," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian semasa Taklimat dan Dialog berhubung Pembangunan Luar Bandar Bersama Masyarakat di Koridor Pembaharuan Tenaga Sarawak (SCORE) di Bahagian Miri dan Limbang. Jabu yang juga Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan serta Menteri Pembangunan Luar Bandar Sarawak memberitahu, pembangunan di ketiga-tiga kawasan itu telah dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk diberi keutamaan termasuk menaiktaraf jalan balak.

Pada masa yang sama, katanya, kerajaan memberi jaminan bahawa pemilik tanah dan penduduk kampung yang terbabit akan menerima pampasan yang sewajarnya. Sehubungan itu, beliau mengingatkan para penduduk yang menerima pampasan daripada kerajaan supaya menggunakan duit tersebut untuk menceburi projek pelaburan jangka panjang seperti menanam kelapa sawit dan tanaman komersial yang lain bagi menjana semula pendapatan untuk generasi akan datang. "Selain projek HEP, kerajaan mengutamakan projek menaiktarafkan jalan balak untuk kemudahan serta keselesaan penduduk di tiga kawasan terbabit," ujarnya.

## **18 Januari 2009 (Ahad)**

### **Pusat jagaan warga emas di setiap PPR**

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Kerajaan perlu menubuhkan pusat jagaan warga emas di setiap Projek Projek Perumahan Rakyat (PPR) bagi memastikan golongan itu sentiasa terjaga dalam persekitaran yang sihat. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk N. Saravanan berkata, cadangan itu perlu diwujudkan segera agar setiap warga emas dijaga dengan baik dan tidak terabai. "Sudah sampai waktu untuk kerajaan memikirkan pula tentang khidmat sosial golongan ini terutama sekali ketika penjaga mereka keluar berkerja atau tiada di rumah.

"Warga emas yang keseorangan atau ditinggalkan boleh datang ke pusat jagaan ini untuk menjalankan pelbagai aktiviti khusus untuk mengisi masa lapang dengan pelbagai

perkhidmatan yang disediakan," katanya selepas majlis perasmian Pusat Jagaan Warga Emas PPR Seri Semarak, di sini. Pusat jagaan PPR Seri Semarak itu adalah pusat jagaan kedua yang ditubuhkan di sekitar Lembah Klang dan diselia oleh Persatuan Warga Senior Malaysia (NASCOM).

Saravanan turut berkata, cadangan mewujudkan pusat jagaan yang lengkap dengan perpustakaan dan komputer itu adalah inisiatif terbaru yang dijalankan oleh kerajaan. "Saya akan memanjangkan isu ini kepada kementerian agar setiap PPR di Wilayah Persekutuan disediakan pusat seperti ini memandangkan terdapat sambutan daripada pelbagai agensi bukan kerajaan (NGO) yang bersedia mengendalikannya. "Bagaimanapun, kami khuatir jika terdapat permintaan yang meluas untuk menubuhkan pusat jagaan ini tetapi mengabaikan pelbagai faktor termasuk kos dan cara pengurusannya," katanya.

Tambahnya, kerajaan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM1.7 juta untuk membangunkan pusat ini dan NASCOM telah bertindak sebagai pengendali pusat. "Kami akan menubuhkan lima lagi pusat seperti ini di seluruh negara termasuk sebuah di Kota Kinabalu," jelasnya. Difahamkan, pusat jagaan warga emas ini akan diselia di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

## **18 Januari 2009 (Ahad)**

### **LLM digesa bina segera parit**

KUALA LUMPUR 18 Jan. - Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan pengurusan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak diminta membina parit berhampiran loji rawatan air yang terletak berdekatan lebuh raya berkenaan bagi mengelak berulangnya pencemaran bekalan air akibat tumpahan minyak.

Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), Tan Sri Rozali Ismail berkata, tumpahan minyak sawit baru-baru ini yang berpunca daripada kemalangan jalan raya di lebuh raya itu merupakan kejadian kali ketiga berlaku dan ia boleh dielakkan. Menurut beliau, selepas kejadian tumpahan minyak kali kedua berlaku pada 2006, pihaknya telah menghantar notis kepada pihak berkenaan supaya menyegerakan pembinaan parit itu tetapi sehingga kini ia masih belum dilaksanakan.

"Pembinaan parit ini amat penting kerana ia mampu menghalang tumpahan minyak daripada terus memasuki Loji Rawatan Air Sungai Gombak di Batu 14 sekali gus dapat mengelakkan 18,000 pengguna di kawasan itu terputus bekalan air," katanya.

Kemalangan membabitkan lori tangki di Kilometer 28 Lebuh Raya Karak-Kuala Lumpur pada 13 Januari lepas bukan sahaja mengakibatkan tumpahan minyak kelapa sawit malah menyebabkan gangguan bekalan air di lapan kawasan utama membabitkan 18,000 pengguna. Antara kawasan

yang mengalami gangguan bekalan air akibat penutupan loji itu ialah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Institut British Malaysia (BMI), Sekolah Menengah Teknik Gombak, Sekolah Menengah Integrasi Gombak, Tol Lebuh Raya Karak, Sekolah Al Amin Gombak, Sekolah Antarabangsa Islam dan Stesen Minyak BHP di Lebuh Raya Karak. Bekalan air ke kawasan terganggu pulih pada 15 Januari lalu, pukul 11 malam, dua hari selepas Loji Rawatan Air Sungai Gombak diberhentikan operasinya.

## **18 Januari 2009 (Ahad)**

### **Kedah pinda dasar perumahan negeri**

Oleh SHARIZA ABDULLAH [utusankedah@utusan.com.my](mailto:utusankedah@utusan.com.my)

ALOR STAR 18 Jan. - Kerajaan Kedah akan meminda dasar perumahan negeri bagi membolehkan pembinaan rumah yang diperlukan rakyat negeri ini dapat dipenuhi, kata Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak.

Beliau berkata, meskipun dasar sedia ada membantu memajukan industri perumahan di beberapa bandar utama di Kedah, namun ia tidak menyelesaikan masalah keperluan perumahan terutama di kalangan penduduk berpendapatan rendah. "Mengikut data pendaftaran permohonan rumah kos rendah, terdapat 23,597 permohonan rumah kos rendah di seluruh negeri yang masih belum memiliki rumah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan persembahan ucapan tahniah pada Istiadat Menyembah Tahniah dan Penganugerahan Darjah serta Bintang Kebesaran sempena Hari Keputeraan Sultan Kedah Ke-81 di Balai Penghadapan, Istana Anak Bukit di sini hari ini.

Azizan berkata, kerajaan Kedah akan mengembleng pihak pemaju perumahan dan anak syarikat milik kerajaan negeri untuk memenuhi keperluan perumahan penduduk tempatan. Katanya, pemaju swasta digesa untuk membina rumah kos rendah di kawasan yang mempunyai permintaan tinggi seperti di Alor Star, Langkawi, Jitra dan Pokok Sena. "Dalam masa yang sama kerajaan akan mula membina 250 unit rumah kos rendah di daerah Yan pada tahun ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, sehingga 31 Disember 2008, didapati sebanyak 1,753 ketua isi rumah ialah miskin tegar manakala 541 pula miskin. Justeru menurutnya, kerajaan negeri mensasarkan dapat meminimumkan masalah kemiskinan tegar pada 2010 menerusi beberapa program yang diatur.

**19 Januari 2009 (Isnin)**

## **Rencana - CARI cara perbaiki perkhidmatan pesakit luar**

Rungutan pesakit luar hospital kerajaan yang membuang masa dua hingga tiga jam adalah perkara biasa. Ini kerana janji Kementerian Kesihatan untuk memendekkan masa menunggu pesakit luar kepada 30 minit nampaknya masih belum dapat dilaksanakan. Masalah sistem penyampaian yang menjadi agenda utama untuk memulihkan imej perkhidmatan kerajaan masih menjadi iguan pesakit-pesakit luar yang mendapatkan rawatan di pusat kesihatan atau hospital kerajaan.

Hasil laporan khas wartawan *Perkhidmatan Anda Dipantau!* di dalam *Mingguan Malaysia* semalam bahawa tempoh tiga jam terpaksa dilalui oleh pesakit luar menjelaskan hakikat perkhidmatan di kebanyakan hospital kerajaan masih belum berubah. Mengapa sukar untuk petugas di hospital mempercepatkan tempoh rawatan. Jika dibuat tinjauan, kita tentu sedar di mana selalu berlaku kelambatan. Dengan bantuan komputer, proses mendapatkan rawatan pesakit luar sepatutnya cepat tetapi perkara ini jarang berlaku. Proses mendaftar pun mengambil masa lebih setengah jam kerana pesakit terpaksa menunggu nombor giliran dan pencarian fail. Kemudian ada pula sesetengah kes memerlukan pesakit menjalani proses mengambil darah atau air kencing. Selepas itu, pesakit beramai-ramai duduk termenung di depan bilik-bilik rawatan sebelum dipanggil untuk berjumpa doktor. Kerajaan tentu sedar kerumitan ini yang menyusahkan rakyat.

Masalah mendapatkan rawatan yang begitu lama adalah isu lama. Tetapi inilah yang dialami oleh masyarakat kita yang berpendapatan rendah setiap kali mengharapkan rawatan di hospital kerajaan. Bagi memenuhi hasrat untuk memberi khidmat kesihatan dalam tempoh 30 minit, kakitangan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan pembantu hospital perlu mengubah cara bekerja.

Mereka semestinya memahami keperluan pesakit untuk mendapatkan rawatan secepat mungkin. Ketiadaan kumpulan kerja yang baik sesama kakitangan di hospital misalnya boleh diatasi dengan menetapkan prosedur kerja yang teratur dan tidak bertindih antara satu sama lain. Sepatutnya arahan Kementerian Kesihatan itu juga dijadikan sebahagian daripada piagam pelanggan di hospital-hospital kerajaan ke arah menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bermutu dan membantu.

Status pesakit luar tidak bermakna pihak hospital boleh melengah-lengahkan perkhidmatan yang harus diberi kepada mereka. Ini kerana kelewatan memberi perkhidmatan kesihatan sama seperti menafikan hak yang telah dijanjikan oleh kerajaan kepada rakyat. Namun begitu, jumlah pesakit luar termasuk warga asing yang mendapatkan rawatan di hospital-hospital kerajaan kian meningkat maka kita tidak boleh beranggapan kerajaan patut terus menanggung kos perubatan rakyat seperti masa ini. Perancangan harus dibuat mulai sekarang agar rakyat mendapatkan rawatan di hospital swasta dengan kos pembiayaan melalui skim insurans kesihatan.

**20 Januari 2009 (Selasa)**

### **Insentif ditambah bekalan ikan berkurangan?**

ALOR STAR 20 Jan. – Golongan nelayan hari ini ditegur kerana tidak menghargai pelbagai insentif yang disediakan kerajaan untuk membantu mereka meningkatkan jumlah pendaratan ikan. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Shahrir Abd. Samad berkata, meskipun golongan itu mendapat pelbagai insentif daripada kerajaan termasuk subsidi diesel RM1.20 seliter dalam usaha meningkatkan bekalan ikan, bekalan ikan di seluruh negara tetap berkurangan terutama pada musim perayaan.

Sehubungan itu, beliau meminta agensi yang bertanggungjawab dalam industri perikanan negara melihat semula sektor tersebut agar ia tidak menjelaskan pengguna yang memerlukan bekalan mencukupi untuk keperluan harian mereka. "Walaupun insentif diberikan, tidak nampak hasilnya bertambah," katanya kepada pemberita selepas melakukan pemantauan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Tahun Baru Cina di Pasar Besar Alor Star di sini hari ini. Turut hadir ialah Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Datuk Yusoff Ismail dan Pengarah KPDNHEP negeri, Mohd. Salleh Maamor.

Menurut Shahrir, nelayan sepatutnya menghargai bantuan kerajaan yang sentiasa berusaha melakukan perubahan demi kebaikan mereka. Katanya, sebelum mendapat bantuan, golongan berkenaan sanggup mengadakan mogok dan protes tetapi apabila dibantu, tindak balas daripada mereka pula kurang memberangsangkan.

**20 Januari 2009 (Selasa)**

### **Prasarana Bukit Fraser ditingkat**

Oleh ALI MAHMOOD [utusanpahang@utusan.com.my](mailto:utusanpahang@utusan.com.my)

TEMERLOH 20 Jan. - Kerajaan negeri memperuntukkan RM19 juta bagi menaik taraf prasarana dan kemudahan di Bukit Fraser dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Penggerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Warisan, Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita negeri, Datuk Shafik Fauzan Sharif berkata, kerja-kerja menaik taraf itu bermula sejak 2007 dan dijangka siap sepenuhnya pertengahan tahun ini. Katanya, antara projek tersebut ialah menaik taraf beberapa laluan denai seperti Maxwell Trail, Rompin Trail, Kioindersley Trail, Mager Trail, Tree Trail dan Bishop Trail.

"Kerja-kerja tersebut bertujuan meningkatkan keselamatan terutama mengelak pelancong daripada tersesat semasa menyusuri laluan denai. "Di samping itu, ia bagi menstabilkan tanah dan cerun berdekatan Banglo Kuantan dan Banglo Temerloh," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Menurut Shafik Fauzan, peruntukan itu turut melibatkan kerja-kerja menaik taraf

hotel, banglo, bangunan kedai dan kawasan bandar Bukit Fraser yang dijalankan oleh Perbadanan Bukit Fraser.

Majlis Daerah Raub (MDB) pula jelasnya, membelanjakan RM1.5 juta bagi membaiki prasarana asas seperti tandas awam, taman awam, longkang, jalan, menara jam dan lampu hiasan. Beliau berharap kerja-kerja menaiktaraf secara menyeluruh itu dapat memajukan lagi sektor pelancongan di samping mengekalkan cuaca sejuk dan alam sekitar di kawasan tersebut. Bagi mengekalkan alam sekitar dan imej 'Little England' itu, katanya, kawasan peranginan tersebut dimajukan mengikut kesesuaian terutama bagi memenuhi keperluan golongan pesara dan warga emas.

"Kita akan menyusun semula pembangunan Bukit Fraser untuk menjadikannya berwarna-warni dipenuhi bunga-bungaan dan pokok-pokok bagi mengekalkan suhu dan cuaca sejuk serta persekitaran yang nyaman. "Kita tidak boleh samakan Bukit Fraser dengan Genting Highlands atau Cameron Highlands dari jumlah kehadiran pelancong kerana kedua-dua kawasan itu mempunyai sasaran tersendiri. "Bukit Fraser mempunyai identitinya tersendiri bagi memenuhi keperluan pelancong seperti golongan pesara, warga emas di samping peminat burung, bunga dan fotografi berdasarkan alam sekitar," jelasnya.

Tambah Shafik Fauzan, Perbadanan Bukit Fraser menyusun beberapa aktiviti sepanjang tahun ini bermula Mac depan seperti 'Bird Race' yang menjadi tarikan pelancong asing setiap tahun. Selain itu, katanya, beberapa acara lain termasuk sukan memanah, 'wood ball' dan golf turut diadakan untuk menarik lebih ramai pelancong asing.

## 20 Januari 2009 (Selasa)

### Mengapa ubah lokasi?

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI kota@utusan.com.my



YAP Pian Hon (dua dari kanan) bersama penduduk-penduduk Kampung Sungai Ramal Luar di hadapan klinik desa kampung itu yang bakal dirobohkan berikutkan ruang, kemudahan dan kakitangan yang terhad dan akan digantikan dengan yang baru.

KAJANG 20 Jan. – Kemudahan klinik desa masih menjadi keperluan utama rakyat walaupun di kawasan Lembah Klang berikutan hospital awam biasanya terletak jauh dari sesebuah kawasan kampung. Walaupun bilangan doktor, jururawat mahupun petugas klinik terhad, namun permintaan terhadap klinik desa tetap tinggi kerana ia menyediakan rawatan pada kadar paling minimum. Kebiasaananya, lokasi klinik desa adalah di kawasan strategik bagi memudahkan penduduk mengunjunginya. Namun, berbeza pula dengan apa yang berlaku di Kampung Sungai Ramal Baru apabila sebuah klinik desa yang menjadi keperluan penduduk di situ bakal dirobohkan. Bagaimanapun, isu roboh itu tidak menjadi persoalan kerana ia akan digantikan dengan yang baru tetapi yang menjadi isu hangat di kalangan penduduk ialah lokasi klinik baru berkenaan tidak di kawasan yang dijanjikan sebelum ini.

Mengikut perancangan asal, klinik baru tersebut akan dibina satu kilometer dari lokasi klinik lama dan ia disambut baik oleh penduduk kerana ia berdekatan dengan kawasan kediaman mereka. Malangnya, beberapa hari lalu, penduduk dimaklumkan bahawa klinik baru tersebut bakal dibina di kawasan perindustrian Sungai Chua yang jaraknya hampir lima kilometer dari perkampungan penduduk.

Mendengar nama lokasinya pun sudah dapat dirasakan ia tidak sesuai apatah lagi melihat dengan mata sendiri kedudukannya yang bakal berjiran dengan kilang-kilang. Lebih memburukkan keadaan, bersebelahan dengan tapak klinik baru tersebut terdapat sebuah pencawang elektrik. Bagaimana pertukaran lokasi tersebut boleh berlaku, tiada siapa mampu memberikan jawapannya.

Bekas Ahli Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon yang mengusahakan pembinaan klinik baru itu tidak lama dahulu berkata, beliau hanya maklum tentang pertukaran lokasi klinik baru berkenaan baru-baru ini. Jelasnya, beliau dimaklumkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) semasa ingin melakukan lawatan ke tapak pembinaan klinik berkenaan untuk mengetahui status pembinaannya.

“Sebelum ini, saya dimaklumkan klinik baru berkenaan akan dibina berdekatan klinik lama namun, saya terkejut apabila diberitahu bahawa tapaknya sudah berpindah ke kawasan perindustrian. “Apa yang menghairankan ialah pada kenyataan tender yang disiarkan di akhbar baru-baru ini, lokasi klinik baru berkenaan adalah di Kampung Sungai Ramal. “Jadi saya dan penduduk di sini tertanya-tanya mengapakah dan siapakah yang cuba memindahkan lokasi klinik desa ini ke kawasan yang berhampiran kawasan perindustrian dan pencawang elektrik,” katanya pada sidang akhbar di Pusat Komuniti Kampung Sungai Ramal baru-baru ini.

Pian Hon menambah, beliau hairan mengapa Kementerian Kesihatan boleh meluluskan pemindahan tapak tersebut sedangkan lokasi baru itu amat tidak sesuai. Ujarnya, sebelum ini, penduduk telah dijanjikan klinik baru bersama perumahan kakitangan di atas sebidang tanah seluas kira-kira 2.4 hektar. “Saya juga dimaklumkan kos pembinaan Klinik Kesihatan Sungai Ramal Luar ini adalah RM17 juta dan bakal menempatkan tiga doktor serta kakitangan yang mencukupi untuk menampung keperluan penduduk. “Namun, sekiranya dibina jauh daripada

penduduk, pastinya sukar untuk mereka ke klinik berkenaan, selain mungkin membahayakan keselamatan penduduk," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau akan menghantar surat kepada Menteri Kesihatan, Datuk Liow Tiong Lai untuk bertanyakan tentang perkara berkenaan dalam masa terdekat ini. Jelasnya, masalah tersebut tidak boleh dipandang ringan memandangkan ia melibatkan soal keselamatan penduduk dan kesukaran untuk mereka mengunjungi klinik tersebut. "Saya amat berharap kementerian dapat mengkaji semula perpindahan lokasi klinik demi keselesaan hampir 6,000 penduduk di kawasan ini terutama warga tua, ibu mengandung dan kanak-kanak," jelasnya.

Sementara itu, tinjauan Utusan Malaysia ke klinik lama mendapati kemudahan itu sewajarnya diganti baru kerana sudah tidak mampu lagi menampung keperluan penduduk. Ini kerana kesempitan ruang tidak membenarkan kerajaan menambah kakitangan di situ menyebabkan ia sering sesak. Selain itu, kemudahan tandas di situ juga tidak selesa dan tidak sesuai untuk kegunaan ibu mengandung.

Kawasan meletak kereta juga tidak disediakan sehingga menyebabkan pengunjung terpaksa meletakkan kenderaan mereka di bahu-bahu jalan yang kemudiannya mengundang kesesakan. Tinjauan ke tapak baru klinik desa tersebut pula mendapati dakwaan penduduk bahawa lokasi tersebut tidak sesuai adalah benar. Oleh kerana ia berada di kawasan perindustrian, masalah pencemaran bunyi, bau dan udara adalah perkara biasa di kawasan itu.

## 20 Januari 2009 (Selasa)

### Penduduk rayu kembalikan ke lokasi dijanji



SIAPA NAK JAWAB... Yap Pian Hon (kanan) sambil diperhatikan oleh Abd. Hamid Salleh menunjukkan lokasi asal pembinaan klinik desa baru Kampung Sungai Ramal Luar yang menunjukkan ia dikelilingi oleh kawasan penempatan penduduk semasa sidang akhbar bagi membantah pemindahan lokasi klinik itu ke kawasan perindustrian Sungai Chua , baru-baru ini.

KAJANG 20 Jan. – Penduduk Kampung Sungai Ramal Baru merayu Kementerian Kesihatan mengembalikan lokasi klinik desa baru yang bakal mengganti klinik lama di kampung itu ke tapak yang dijanjikan sebelum ini. Menurut mereka, segala usaha penduduk dan bekas Ahli Parlimen Serdang, Datuk Yap Pian Hon memohon klinik yang baru itu akan menjadi sia-sia jika lokasinya berada jauh dari kawasan perumahan penduduk. Penduduk bimbang klinik baru itu bukan sahaja tidak akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk tetapi juga akan mendatangkan risiko penyakit lain kepada mereka.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Sungai Ramal Luar, Abd. Rahim Sudadi, 68, berkata, klinik baru tersebut dijanjikan dibina di satu lokasi yang berhampiran dengan klinik lama sebelum ini. Katanya, beliau amat terkejut apabila dimaklumkan tentang pertukaran tempat itu yang berada di luar kampung tersebut. "Apa yang menghairankan, mengapa tapak tersebut dipindahkan ke kawasan yang lebih memudaratkan penduduk serta menyukarkan warga emas dan kanak-kanak untuk mengunjunginya sedangkan kawasan yang lama lebih baik," jelasnya.

Seorang penduduk, Azhari Ismail, 41, memberitahu, dia berasa hairan bagaimana Kementerian Kesihatan boleh meluluskan pertukaran lokasi tapak klinik berkenaan sedangkan dalam tender, lokasi yang diumumkan ialah di Kampung Sungai Ramal Luar.

"Penduduk Sungai Ramal Luar yang meminta klinik baru dibina, namun mengapa pula ia dibina di kawasan lain dan memanfaatkan golongan yang tidak begitu memerlukan kemudahan klinik desa," katanya yang merujuk kepada pekerja-pekerja kilang di lokasi baru klinik itu. Katanya, penduduk kampung itu yang sewajarnya mendapat lebih manfaat daripada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan itu, bukan pekerja kilang yang sepatutnya ditanggung oleh majikan mereka.

Ketua UMNO Cawangan Sungai Ramal Baru, Mejar (B) Abd. Hamid Salleh, 70, pula berharap masalah pertukaran lokasi tersebut dapat diselesaikan dengan segera bagi membolehkan klinik baru dipercepatkan pembinaannya. Ujarnya, jika mengikut makluman yang diberitahu sebelum ini, klinik baru berkenaan seharusnya dimulakan pembinaannya pada bulan Disember lalu, namun sehingga kini masih belum ada tanda-tanda pembinaannya akan bermula.

"Memandangkan klinik baru tersebut masih belum dibina jadi, kementerian masih mempunyai masa untuk mengkaji semula perubahan lokasi yang telah dilakukan demi keselesaan penduduk. "Kita tidak mahu nanti, apabila klinik sudah siap dibina akan dirobohkan semula kerana lokasinya yang tidak bersesuaian sedangkan kos berjuta-juta ringgit telah diperuntukkan dan jelas sekali ia satu pembaziran wang," katanya.

**21 Januari 2009 (Rabu)**

**Hentikan pekerja asing**

Oleh Norliza Abd. Rahman pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 21 Jan. – Sudah tiba masanya pengambilan pekerja asing terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan dihentikan segera, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar. Langkah itu katanya, selaras dengan keadaan ekonomi semasa negara yang turut merasai kesan kemelesetan ekonomi global. "Majikan patut memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu, hantar mereka balik ke negara asal dan jangan ambil lagi. Mereka sepatutnya menggunakan sumber tenaga tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan kementeriannya di sini hari ini. Menurut Syed Hamid, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memperketatkan lagi permohonan berhubung keperluan pekerja asing di negara ini. KDN juga, jelas beliau, dalam proses menghantar pulang seramai mungkin pekerja asing termasuk pendatang asing tanpa izin (PATI).

Akhbar semalam mendedahkan mengenai kemungkinan banyak syarikat terpaksa menghentikan pekerja tempatan ekoran kemelesetan ekonomi global ketika ini. Tindakan tersebut menyebabkan ribuan rakyat tempatan hilang pekerjaan tetapi pekerja asing masih diambil bekerja. Mengulas lanjut, Syed Hamid berkata, majikan sepatutnya lebih bertanggungjawab dengan menghentikan pekerja asing terlebih dahulu dan bukannya pekerja tempatan.

## **21 Januari 2009 (Rabu)**

### **Akta Hubungan Kaum tidak perlu**

KUALA LUMPUR 21 Jan. - Tokoh-tokoh akademik dan pemimpin masyarakat menyokong keputusan kerajaan menolak usaha menggubal Akta Hubungan Kaum dan berpendapat ia memang tidak diperlukan di Malaysia. Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, isu-isu berkaitan perpaduan hanya boleh dicapai menerusi perundingan dan bukannya undang-undang. "Kalau ada masalah kita cari punca dan cuba selesaikan dengan baik, tak boleh paksa orang tetapi menerusi kata sepakat," katanya di sini hari ini.

Sebaliknya, beliau mencadangkan penubuhan sebuah institusi untuk mengkaji tahap hubungan antara kaum di negara ini sekali gus memberi cadangan-cadangan untuk memperbaikinya. Pensyarah Jabatan Sosiologi dan Antropologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof. Dr. Fatimah Daud berkata, Malaysia tidak memerlukan undang-undang untuk mengukuhkan perpaduan dan hubungan antara kaum. Sebaliknya, menurut beliau, perpaduan hanya boleh dipupuk menerusi sikap saling menghormati antara kaum. "Setiap kaum perlu tunjuk taat setia kepada negara dan menghormati budaya lain, kalau itu dipatuhi perpaduan akan tersemai tanpa sebarang masalah," ujarnya.

Dalam pada itu, Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Prof. Dr. Mohamed Yusoff Ismail yang sependapat dengan Lam Thye dan Fatimah berkata, undang-undang sedia ada sudah mencukupi bagi memastikan hubungan kaum terpelihara di negara ini. "Masyarakat kita bukan macam di luar negara yang bermasalah dan sering bergaduh. "Kita masih lagi menghormati antara satu sama lain dan tidak timbul pula masalah atau isu yang keterlaluan sehingga memerlukan penggubalan satu akta khusus," katanya.

## 21 Januari 2009 (Rabu)

### Pasar sekadar jadi hiasan

Oleh SITI AIRUNNISA ALAUI



TIDAK DIPEDULIKAN... Walaupun pasar basah di Batu 14 Hulu Langat lengkap dengan segala kemudahan tetapi peniaga enggan berpindah masuk kerana kurang dikunjungi pembeli.

- UTUSAN / SHAIFUDIN MOHD. NOR

HULU LANGAT 21 Jan. - Di Kuala Lumpur, pasar basah merupakan antara tempat yang paling sesak dan sibuk dengan warga kota yang mendapatkan keperluan harian pada setiap pagi. Ini jelas dapat dilihat di pasar seperti pasar Chow Kit dan pasar Datuk Keramat manakala Pasar Borong Selangor pula dibuka 24 jam untuk membolehkan orang ramai mendapatkan keperluan mereka pada bila-bila masa sahaja. Namun, lain pula jadinya kepada pasar basah di Batu 14 di sini yang terbiar tanpa sebarang aktiviti sejak 15 tahun lalu.

Penduduk mendakwa, pasar berkenaan yang mempunyai 64 meja atau gerai terbiar kerana kurang mendapat sambutan daripada pelanggan. Dakwa mereka lagi, peniaga-peniaga lebih suka menjalankan perniagaan di kawasan luar pasar basah iaitu di bahu-bahu jalan kerana lebih mudah dilihat oleh pengunjung. Tinjauan *Utusan Malaysia* ke pasar basah yang dibina oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPK) itu mendapati keadaan pasar basah berkenaan kini dipenuhi sampah serta berbau busuk. Selain itu, jalan masuk ke pasar berkenan yang dipenuhi peniaga-peniaga di bahu-bahu jalan turut menyukarkan pengunjung untuk ke pasar berkenaan.

Terdapat beberapa lot gerai yang telah dibersihkan oleh peniaga-peniaga untuk dijadikan tempat simpanan barang-barang dan tidak kurang pula ada yang mengambil kesempatan

berniaga pakaian di sudut pasar tersebut. Apa yang menghairankan ialah mengapa pasar berkenaan tidak beroperasi dan dibiarkan tanpa penyelenggaraan sehingga menyebabkan pasar berkenaan menjadi seperti tempat membuang sampah serta stor menyimpan barang.

Longkang-longkang di sekeliling pasar berkenaan pula tersumbat dan kotor sementara dinding pasar turut diconteng oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Lebih menghairankan mengapa MPKj boleh membenarkan penjaja-penjaja menjalankan perniagaan di bahu-bahu jalan sedangkan pasar basah tersebut dibiarkan sepi. Seharusnya pasar berkenaan digunakan untuk menempatkan penjaja-penjaja tersebut daripada ditinggal sepi sehingga menyebabkan banyak kerosakan berlaku terutamanya di bahagian bumbung pasar itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati hampir 30 penjaja yang menjalankan perniagaan mereka di bahu-bahu jalan berkenaan sehingga menyebabkan kesesakan di kawasan tersebut. Kebanyakan penjaja berkenaan menjual hasil kebun dan ternakan mereka sendiri. Sekiranya penjaja tersebut ditempatkan ke dalam pasar basah berkenaan, pastinya masalah kesesakan dapat dikurangkan, selain meminimumkan risiko ditimpa kemalangan di kalangan peniaga dan pengunjung.

Yang Dipertua MPKj, Datuk Hassan Nawawi Abd. Rahman berkata, pasar basah berkenaan dibina untuk menempatkan peniaga-peniaga di sekitar kawasan berkenaan yang masih menjalankan perniagaan mereka di bahu-bahu jalan. Namun, ujarnya, disebabkan penduduk lebih gemar mengunjungi gerai penjaja-penjaja yang berniaga di bahu jalan menyebabkan peniaga-peniaga di pasar berkenaan enggan berniaga di dalam pasar tersebut kerana memperoleh pendapatan yang rendah.

"Penduduk kampung lebih gemar mengunjungi pasar basah yang berada di bahu-bahu jalan daripada mengunjungi pasar basah tersebut semasa ia beroperasi dulu kerana lebih mudah dan santai. "Namun mereka tidak fikir bahaya yang bakal menimpa kerana pasar pagi berkenaan berada hanya lebih kurang 50 meter sahaja daripada jalan utama yang dilalui oleh kenderaan berat terutamanya lori pasir.

"Sekiranya penjaja-penjaja berkenaan berpindah masuk ke dalam pasar basah itu masalah kesesakan serta risiko keselamatan peniaga dan pengunjung dapat diatasi," katanya ketika ditemui baru-baru ini. Tambahnya, beliau akan berjumpa dan berbincang dengan penduduk mengenai masalah berkenaan bagi mencari jalan penyelesaian tentang perkara tersebut.

**21 Januari 2009 (Rabu)**

## **MPKj perlu tegas terhadap peniaga**



SAMPAH-SARAP memenuhi longkang di pasar Batu 14, Hulu Langat menyebabkan pasar itu kotor dan berbau busuk.

HULU LANGAT 21 Jan. - Masalah pasar basah di pekan Batu 14 Hulu Langat yang terbiar hampir 15 tahun lalu, sering menjadi buah mulut penduduk sekitar kawasan berkenaan. Namun tiada apa yang boleh dilakukan oleh penduduk memandangkan tiada tindakan tegas yang diambil oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) terhadap penjaja-penjaja yang menjalankan perniagaan di bahu-bahu jalan di kawasan itu. Rata-rata penduduk yang ditemui melahirkan rasa kesal apabila pasar basah berkenaan dibiarkan tanpa sebarang aktiviti.

Seorang pengunjung yang ditemui, **Haris Mohd. Salleh**, 45, mendakwa bahawa pasar basah berkenaan seharusnya beroperasi bagi memudahkan penduduk untuk mendapatkan bekalan harian memandangkan lokasi pasar basah lain agak jauh dari kawasan berkenaan. Ujarnya, sekiranya pasar berkenaan dibuka, penduduk lebih selesa untuk mengunjunginya memandangkan penduduk hanya berpeluang mendapatkan bekalan harian pada hari Jumaat sahaja kerana terdapat pasar pagi di kawasan tersebut.

"Sebelum ini penduduk terpaksa ke pasar Taman Suntex di Batu 9 untuk mendapatkan bekalan harian kerana tiada kemudahan pasar lain berdekatan dengan kawasan ini. "Sekiranya pasar ini kembali digunakan, ia lebih memudahkan penduduk serta dapat membantu penduduk menjana ekonomi mereka," katanya.

Namun, tambahnya, sekiranya pasar berkenaan hendak dibuka, MPKj harus membaik pulih pasar berkenaan terlebih dahulu kerana kebanyakan bumbung dan dinding serta saluran air telah rosak. Selain itu, MPKj juga perlu menyediakan kawasan tempat letak kenderaan memandangkan pengunjung kini menumpang meletakkan kenderaan di masjid dan juga di bahu-bahu jalan.

"Jalan ke pasar berkenaan sesak teruk kerana kenderaan diletakkan di bahu-bahu jalan dan lebih memburukkan keadaan ia berdekatan dengan persimpangan lampu isyarat menyebabkan kesesakan teruk berlaku terutamanya pada waktu pagi," jelasnya.

Seorang peniaga ikan, **Shahrul Shahimin**, 25, berkata, dia bukan tidak mahu bermiaga di dalam pasar berkenaan namun lot-lot gerai yang disediakan agak sempit. Jelasnya, sekiranya dia bermiaga di luar pasar, dia boleh meletakkan beberapa meja untuk meletakkan barang jualannya yang banyak. "Sebelum ini saya memang bermiaga di dalam pasar tersebut, namun ia tidak selesa kerana sempit dan hanya dapat meletakkan beberapa jenis ikan sahaja di atas meja yang disediakan.

"Selain itu, pelanggan juga kurang mengunjungi pasar berkenaan kerana mereka lebih gemar membeli daripada penjaja-penjaja di bahu jalan, menyebabkan saya juga akhirnya terpaksa keluar bermiaga di luar," jelasnya.

Tambahnya, sekiranya MPKJ dapat memastikan tiada penjaja-penjaja bermiaga di luar dan semua peniaga kembali bermiaga di dalam pasar berkenaan, dia tidak keberatan untuk berpindah masuk semula ke dalam pasar basah itu. Jelasnya, pasar basah berkenaan boleh berfungsi seperti tujuan ia dibina jika mendapat sokongan daripada penduduk dan penjaja manakala pihak berkuasa bertegas dalam memastikan tiada peniaga bermiaga di bahu jalan.

## 21 Januari 2009 (Rabu)

### Air laut bertukar merah

Oleh NORSHARUDDIN SAPIAN [utusanperak@utusan.com.my](mailto:utusanperak@utusan.com.my)



MAT SHAHAR mengambil contoh air laut yang bertukar warna kemerah-merahan di Jeti Lumut Yacht Club, Pulau Pangkor, semalam.

PULAU PANGKOR 21 Jan. - Kira-kira 2,000 nelayan di sekitar Pulau Pangkor, Kampung Baharu dan Segari di sini bimbang pendapatan mereka akan merosot ekoran perubahan warna air laut yang menjadi kemerah-merahan sejak sebulan lalu. Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Sungai Pinang Besar (SPB), Roslan Ahmad berkata, kejadian itu semakin ketara sejak minggu lalu.

"Sejak kebelakangan ini, tangkapan nelayan di sini telah berkurangan dan ia mungkin disebabkan oleh perubahan warna air laut menjadi kemerah-merahan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Sementara itu tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar perairan Sungai Dinding termasuk kawasan Terminal Jeti Penumpang di Lumut, Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Jeti Lumut Yacht Club Lumut mendapati keseluruhan air di situ bertukar menjadi merah.

Sementara itu, Konteks Nelayan Teluk Senangin, Segari, dekat Lumut, Safie Mohamed Akhir berkata, kejadian sama pernah berlaku awal tahun lalu dan meminta pihak berkuasa menyiasat segera punca kejadian tersebut supaya pendapatan nelayan tidak terjejas. Katanya, perubahan warna air laut itu mungkin kesan daripada kerja-kerja mendalamkan Sungai Dinding yang sedang giat dijalankan.

"Buat masa ini, jumlah tangkapan nelayan kecil di sekitar kawasan ini belum terjejas tetapi pukat udang mereka kini dipenuhi anak-anak ikan kecil seperti gelama dan duri. "Perubahan warna air itu mungkin menyebabkan anak-anak ikan cuba lari dari kawasan biasa ke sekitar perairan Tanjung Hantu, Sungai Puyu dan Sungai Gelam dekat Segari," katanya.

Dalam pada itu, seorang pelancong tempatan, Mat Shahar Daud, 45, pula melahirkan rasa terkejutnya selepas mendapati air laut di Pulau Pangkor yang sebelum ini berwarna biru bertukar menjadi merah. "Saya sering berkunjung ke pulau peranginan ini sambil menikmati keindahan air laut yang biru sepanjang perjalanan menaiki bot ke situ. "Bagaimanapun, keindahan tersebut tidak dapat dinikmati lagi dan berharap warna air laut kembali seperti biasa nanti," katanya.

## 21 Januari 2009 (Rabu)

### Jelapang padi terbesar Endau

Oleh JAAFAR AHMAD [utusanjohor@utusan.com.my](mailto:utusanjohor@utusan.com.my)



ABDUL Ghani Othman meninjau kilang pembungkusan telur milik Teo Seng Capital Berhad, di Yong Peng, Batu Pahat, baru-baru ini.

BATU PAHAT 21 Jan. – Sebuah kawasan seluas 4,000 hektar di Sungai Layou, Endau, Mersing telah dikenal pasti untuk dijadikan jelapang padi di Johor menjelang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, projek yang terletak di koridor timur Semenanjung itu dijangka diusahakan secara gabungan antara pengusaha besar dan beberapa pengusaha kecil tempatan. Menurutnya, pelaksanaan projek berskala besar itu akan mengekalkan Johor sebagai pengeluar utama makanan di negara ini.

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah pun selesai membuat kajian tentang kesesuaian tanah dan peruntukan sebanyak RM300 juta pula telah dikemukakan kepada Kerajaan Pusat untuk tujuan prasarana,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pejabat baru korporat Teo Seng Capital Berhad di Yong Peng di sini baru-baru ini. Syarikat tersebut yang diasaskan pada 2006 merupakan pengeluar terbesar telur dan ayam di Johor untuk pasaran tempatan dan eksport.

Menurut Abdul Ghani, walaupun Johor ketika ini merupakan pengeluar terbesar sayur-sayuran dan buah-buahan, namun kegiatan bersawah masih wujud secara kecil-kecilan di beberapa kawasan termasuk di Sungai Mati, Muar. “Pelaksanaan projek ini bakal menjadikan Johor antara pengeluar padi terbesar selain Kedah dan Selangor,” katanya.

Terdahulu ketika berucap, Menteri Besar berkata, berdasarkan maklumat Jabatan Pertanian negeri, Johor mengeluarkan 574,802 tan metrik buah-buahan tahun lalu. “Ini merupakan satu pertiga daripada pengeluaran buah-buahan di Semenanjung sebanyak 1.54 juta tan metrik,” katanya. Selain itu, menurutnya, Johor juga mengeluarkan 239,475 tan metrik sayur-sayuran serta 21,944 tan metrik rempah ratus sepanjang tempoh tersebut.

Menurut beliau, kerajaan Johor serius dalam membangunkan industri makanan termasuk mewujudkan ladang pertanian moden di Kluang dan Bio Desaru di Kota Tinggi. Beliau berkata, antara langkah terbaik untuk mengatasi krisis makanan global ialah dengan meningkatkan kadar pengeluaran makanan. “Justeru, Johor sememangnya bersedia dan berkemampuan dalam usaha menghadapi krisis makanan global yang mungkin memberikan impak besar pada bila-bila masa,” katanya.